



MAJLIS SAMBUTAN

# HARI Q 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

14 Disember 2004 (Selasa • 2.00 Petang)  
Auditorium MPAJ, Tingkat 4, Persiaran MPAJ  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah  
55100 Kuala Lumpur

*“Kecemerlangan Dihayati,  
Graduan Berkualiti”*



MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR 3454



*"Keemertan Dikayati,  
Graduan Berkualiti"*



*[Handwritten signature]*

**MAJLIS SAMBUTAN**

# HARI 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

*“Keemerlunyan Dihayati,  
Graduan Berkualiti”*

14 Disember 2004 (Selasa • 2.00 Petang)  
Auditorium MPAJ, Tingkat 4, Persiaran MPAJ  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah  
55100 Kuala Lumpur



MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR 3454





*Kata Alu-Aluan*

منترى فعاجين تيغكي مليسيا

## **MENTERI** PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Terlebih dahulu, saya mengucapkan sekalung tahniah atas kejayaan KUIM memperoleh pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2000 skop Pengajaran dan Pembelajaran daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Syabas juga diucapkan kepada anggota kerja KUIM yang mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2003. Walaupun KUIM merupakan salah sebuah Universiti yang agak baru, namun keupayaan KUIM untuk bersaing dan memberikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dari segi program-program akademik dan pengurusan Universiti tidak dapat dipertikaikan.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program peningkatan kualiti dalam perkhidmatan awam yang bertujuan meningkatkan tahap kualiti dalam proses pemberian perkhidmatan kepada pelanggan. Kerajaan memandang serius untuk meningkatkan keupayaan agensi-agensi Kerajaan dan telah memutuskan untuk setiap agensi Kerajaan mengamalkan satu sistem pengurusan kualiti yang universal dan berlandaskan kepada piawaian yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Bagi mencapai matlamat peningkatan kecekapan dan keberkesanan organisasi melalui strategi penambahbaikan berterusan Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam berkaitan kualiti sebagai garis panduan kepada semua agensi Kerajaan termasuk Institusi Pendidikan.

Rasional pelaksanaan MS ISO 9000 dalam perkhidmatan awam dan cabaran arus pendidikan yang global merupakan penggerak kepada sesebuah institusi pendidikan untuk melaksanakan MS ISO 9000. Saya percaya dan yakin prinsip-prinsip serta ciri-ciri dalam Sistem Pengurusan Kualiti KUIM meletakkan KUIM setanding dengan Universiti lain. Sistem Pengurusan Kualiti yang diamalkan menjamin pembudayaan kualiti yang konsisten dan seterusnya menjamin kecemerlangan KUIM.

Saya berharap pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2000 menjadi pendorong kepada KUIM dalam mempergiatkan usaha dan terus maju pada masa-masa akan datang.

Sekian, wassalam.

**DATU' DR. HAJI SHAFIE HAJI MOHD SALLEH**



*Kata Alu-Aluan*

## **PENGERUSI** LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI KUIM

Syukur alhamdulillah kerana KUIM berjaya mengadakan Sambutan Hari Q 2004. Selain daripada penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun ini Sambutan Hari Q pada kali ini lebih bererti dan merupakan detik bersejarah bagi KUIM dengan penganugerahan sijil MS ISO 9001:2000 skop *Provision Of Education Services At Undergraduate Level Including The Design And Development Of Program Curriculum* oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Walaupun KUIM merupakan sebuah Universiti yang baru mengorak langkah namun kecemerlangan yang dicapai hasil susah payah dan usaha kita semua akhirnya kita mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Pengamalan pendekatan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000 menjanjikan peningkatan perkhidmatan yang berterusan dan prestasi KUIM akan sentiasa ditambahbaik. Ini sejajar dengan kepelbagaian program-program pengajian yang ditawarkan oleh KUIM yang mana tidak pernah mengeneipikan aspek-aspek kualiti.

Pensijilan MS ISO 9001:2000 yang dicapai oleh KUIM bukan sahaja dapat meningkatkan daya saing universiti secara keseluruhan tetapi ia merupakan pemangkin kepada setiap kakitangan KUIM untuk memberi sumbangan dan komitmen yang lebih jitu bagi menaikkan nama KUIM.

Saya berharap dengan kesungguhan semua pihak, budaya kualiti dan amalan peningkatan kualiti yang berterusan dapat dijiwai oleh semua warga KUIM dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Sekian, wassalam.

**TAN SRI DR. MOHAMAD YUSOF NOOR**



*Kata Alu-Aluan*

## **REKTOR** KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita diberi peluang untuk bersama-sama mengadakan Majlis Sambutan Hari Q bagi tahun 2004.

Seperti yang kita semua sedia maklum, pembudayaan kualiti sama ada dalam program-program akademik yang ditawarkan mahupun kualiti dalam setiap aspek pengurusan dan pentadbiran amat penting ke arah kecemerlangan sesebuah Institusi Pendidikan.

Semenjak pelancaran Budaya Kerja Cemerlang yang berteraskan kualiti pada 27 November 1989, pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam merangkumi perkhidmatan pendidikan negara. KUIM tidak terkecuali untuk turut bersaing dalam era pendidikan yang global dan semakin berkembang dengan memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai murni dalam diri setiap warganya di samping menyediakan persekitaran kerja yang kondusif.

Dalam usaha untuk mewujudkan KUIM yang cemerlang, semua pihak memainkan peranan. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah pada tahun ini. Walaupun hanya sebilangan kecil yang dapat diberi anugerah, tetapi KUIM mempunyai ramai anggota kerja yang mempamerkan hasil kerja yang cemerlang.

Titik tolak kepada kejayaan ini ialah budaya "Kecemerlangan" yang sama-sama kita jiwai dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Hasil kesepaduan usaha semua inilah, KUIM pada hari ini telah berjaya merealisasikan hasrat untuk mendapat pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi skop Pengajaran dan Pembelajaran. Detik ini merupakan sejarah yang besar ertinya kepada KUIM.

Syabas juga diucapkan kepada semua warga KUIM kerana kita mampu untuk mengubah diri dan memberikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti. Walaupun sebagai sebuah Universiti yang baru, KUIM telah membuktikan kecemerlangannya dengan kejayaan melalui pelbagai aktiviti dan tanggungjawab yang dilaksanakan dan segala usaha kita mendapat pengiktirafan yang sewajarnya.

Semoga kita akan terus cemerlang dan mendapat keberkatan serta keredhaan Illahi.

**YBHG. PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HAJI HUSIN**



*Kata Alu-Aluan*

## **PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF SIRIM BERHAD**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas peluang yang diberi untuk saya memberi kata alu-aluan dalam Buku Cenderamata sempena Majlis Sambutan Hari Q KUIM 2004. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) atas kejayaan memperolehi sijil MS ISO 9001:2000 di bawah skop Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan pada peringkat Sarjana Muda termasuk Rekabentuk dan Pembangunan Kurikulum Program. Sesungguhnya ini merupakan satu pencapaian yang cemerlang bagi sebuah Universiti yang boleh dikatakan masih baru. Saya turut gembira atas pencapaian KUIM ini kerana SIRIM Berhad telah terlibat dari mula sebagai juruperunding bagi Program Perundingan dan Bimbingan bagi membangun, melaksana dan menyediakan KUIM ke arah pencapaian persijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000. Dengan tercapainya persijilan MS ISO ini serta pemantapan budaya kualiti dan amalan pembaikan berterusan, saya berkeyakinan tekad dan iltizam KUIM untuk menjadi sebuah IPTA bertaraf antarabangsa boleh dicapai.

Kualiti adalah satu perjalanan dan bukan satu destinasi. Ia adalah mengenai perubahan yang perlu dilihat sebagai satu proses untuk penambahbaikan yang berterusan. Penambahbaikan yang berterusan ini adalah perlu untuk organisasi terus relevan. Penambahbaikan berterusan sebagai satu objektif organisasi juga menentukan 'survival' organisasi itu. KUIM sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi juga tidak terkecuali daripada keperluan ini.

Pendekatan pengamalan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 adalah satu langkah yang sangat bijak yang telah diambil oleh pemimpin KUIM. Amalan pengurusan kualiti yang telah dibangunkan dan dilaksanakan adalah berlandaskan kepada satu panduan dan standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Sesungguhnya KUIM telah mengambil langkah yang proaktif bagi memantapkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti yang sedia ada di KUIM bagi menjamin dasar yang telah digariskan oleh pihak Pengurusan tercapai. Dengan pengiktirafan MS ISO yang diperolehi ini diharapkan ianya akan menaikkan lagi imej KUIM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berkualiti. Melalui anak syarikat kami, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. akan terus menyediakan persijilan yang bertaraf antarabangsa untuk membolehkan syarikat-syarikat di Malaysia meningkatkan daya saing dengan berorientasikan kualiti.

Sekian.

**DATU' DR. MOHD ARIFFIN HJ. ATON**



*Kata Alu-Aluan*



## **TIMBALAN REKTOR** **AKADEMIK & PENYELIDIKAN (KUIM)**

Assalamualaikum wr.wb.

Alhamdulillah dan syukur kepada Allah SWT kerana telah melimpahkan kurnia-Nya kepada kita semua. Sambutan Hari Kualiti dan Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang pada tahun ini sangat bermakna, bukan sahaja kepada seluruh warga KUIM, tetapi juga kepada KUIM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang baru.

Kejayaan universiti ini memperoleh sijil MS ISO 9001: 2000 (Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan pada Peringkat Sarjana Muda termasuk Rekabentuk dan Pembangunan Kurikulum Program) dalam tempoh lima tahun pertama beroperasi membuktikan bahawa aspek kualiti menjadi teras amalan setiap warganya. Sumbangan dan komitmen semua pihak telah memperlihatkan hasil kerja yang membanggakan serta mendapat pengiktirafan.

Tahniah kepada setiap warga Universiti ini kerana telah menunjukkan kesediaan untuk memelihara, mendokong dan memartabatkan aspek kualiti dalam semua aspek. Dengan pengalaman, pencapaian dan komitmen yang dimiliki, saya yakin bahawa KUIM akan berjaya melaksanakan Kod Amalan Jaminan Kualiti IPTA bagi semua program akademik yang ditawarkan. Moto "Berilmu, Berdisiplin dan Bertaqwa" boleh mendorong Universiti ini mempertahankan sijil MS ISO 9001: 2000 yang diperolehi dan seterusnya menawarkan program akademik berkualiti menerusi pelaksanaan Kod Amalan Jaminan Kualiti IPTA.

Tahniah dan selamat berjaya.

Salam hormat dari:

**PROF. DATO' DR. MOHAMED ASIN DOLLAH**



*Kata Alu-Aluan*

## **TIMBALAN REKTOR HEP & PEMBANGUNAN/WAKIL PENGURUSAN KUIM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT atas kejayaan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) memperolehi sijil MS ISO 9001:2000 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Skop pensijilan adalah "Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan pada Peringkat Sarjana Muda termasuk Rekabentuk dan Pembangunan Kurikulum". Pengiktirafan oleh SIRIM terhadap pendekatan pengamalan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut MS ISO 9001:2000 dalam penyampaian perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran pada peringkat sarjana muda adalah satu milestone yang signifikan bagi KUIM. Dengan perlaksanaan dan penghayatan budaya kualiti yang berasaskan "dokumenkan apa yang diamalkan dan amalkan apa yang didokumenkan" serta penerapan objektif penambahbaikan secara berterusan, landasan untuk pengluasan skop pendaftaran kepada penyediaan perkhidmatan pendidikan pada peringkat ijazah lanjutan, pengurusan penyelidikan dan perkhidmatan perpustakaan sudah diwujudkan.

Keputusan untuk mencapai pensijilan MS ISO 9001:2000 telah dibuat pada awal 2003. Satu Roadmap ke arah pensijilan ini telah digariskan; sumber kewangan dan tenaga kerja diperuntukkan. Dengan bimbingan juru perunding daripada SIRIM SQIS, Sistem Dokumentasi Pengurusan KUIM yang terdiri daripada Manual Kualiti, 12 Prosedur Khusus/Utama (KUIM/PK), 17 Prosedur Umum/Sokongan (KUIM/PU) dan arahan-arahan kerja. Sistem Dokumentasi Pengurusan KUIM telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Rektor pada 29 April 2004. KUIM telah melalui Audit Pra-pematuhan pada 1-3 September 2004 dan Audit Pematuhan pada 20-23 September 2004. Permohonan KUIM untuk Pensijilan Sistem Kualiti telah diluluskan pada 26 November 2004. KUIM juga memperolehi Sijil Akreditasi UKAS.

Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada setiap warga Universiti atas kejayaan ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam kejayaan ini khususnya YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM, ahli-ahli MPU, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Bahagian/Unit, para pensyarah, pegawai-pegawai dokumen, pasukan Audit Dalaman KUIM dan Unit Pengurusan Kualiti, dan umumnya semua warga kerja KUIM.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

*Mohammad Haji Alias*

**PROF. DR. MOHAMMAD HAJI ALIAS**

# Dasar Q

Kami warga KUIM bertekad dan beriltizam untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam bertaraf antarabangsa yang berteraskan Islam dengan membudayakan amalan Sistem Pengurusan Kualiti dan berusaha untuk meningkatkan amalan ini secara berterusan dalam:

- Memberikan perkhidmatan yang bertepatan dengan kehendak pelanggan dan *stakeholders* Universiti;
- Menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan yang cekap dan berkualiti ke arah pemartabatan Pendidikan Islam yang relevan kepada kehendak sejagat; dan
- Menggunakan Kod Amalan Jaminan Kualiti IPTA di Malaysia yang telah ditetapkan untuk melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu dan tenaga kerja yang menghayati moto “Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa”



# ISO ???

ISO merupakan piawaian antarabangsa yang dikeluarkan oleh Organization for International Standards (Geneva) untuk kegunaan dan panduan pelbagai organisasi sama ada organisasi yang mengeluarkan produk mahupun yang memberi perkhidmatan.

(Maklumat lanjut mengenai ISO boleh dicapai melalui laman web <http://www.iso.ch/iso/en/ISOOnline.frontpage>)

Piawaian ISO diperlukan untuk menghasilkan keseragaman dan kesetaraan keluaran dan perkhidmatan supaya lebih cekap, berkesan, selamat, bersih dan berkualiti. Piawaian Iso juga berkait rapat dengan konsep Pengurusan Kualiti Menyeluruh atau Total Quality Management (TQM) yang telah diperkenalkan sejak tahun 1920an lagi. Penggunaan TQM bukan sahaja memanfaatkan pelanggan kerana dapat menikmati output yang berkualiti tetapi kepada organisasi itu sendiri khususnya melalui penjimatan kos dan peningkatan kecekapan operasi yang mana merupakan kunci kepada kejayaan sesebuah organisasi.

Siri piawaian ISO terdiri daripada ISO 9000 dan ISO 14000. ISO 9000:2000 merujuk kepada Garis Panduan Am, ISO 9001:2000 Sistem Pengurusan Kualiti dan ISO 14000 merujuk kepada Sistem Pengurusan Kualiti Alam Sekitar.

Organisasi yang tidak mempunyai sijil ISO tidak semestinya tidak berkualiti atau kurang berkualiti. Walaubagaimanapun, sijil ISO yang dijadikan amalan dapat menjamin dan mempertahankan kualiti sesebuah organisasi secara berterusan terutamanya dalam aspek penambahbaikan berterusan dan tindakan pencegahan.

Selari dengan pekeliling kerajaan supaya setiap badan kerajaan mendapat sijil ISO dan wawasan Universiti KUIM untuk menjadi sebuah Universiti yang bertaraf antarabangsa, KUIM merangka dasar dan merancang strategi untuk mendapat pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2000 di bawah skop Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Pada Peringkat Sarjana Muda Termasuk Rekabentuk Dan Pembangunan Kurikulum Program. Ini kerana pembudayaan kualiti dalam proses pemberian perkhidmatan pendidikan akan membantu Universiti KUIM untuk muncul sebagai sebuah Universiti bertaraf antarabangsa yang berteraskan Islam.

Slogan Q KUIM adalah 'Kecemerlangan Dihayati, Graduan Berkualiti'. Pensijilan ISO membantu KUIM ke arah pencapaian matlamat slogan Q tersebut melalui kawalan kualiti yang melibatkan proses dan sistem. Melalui pengawalan kualiti ini, kualiti perkhidmatan yang cekap dapat dikekalkan dan dipertingkatkan melalui proses penambahbaikan yang berterusan.



# Kualiti

**'... Perkhidmatan awam mempunyai peranan yang amat besar dalam menyahut cabaran ini, dalam menjadikan Malaysia lebih berdayasaing. Kita tidak boleh lagi bertanding atas kerendahan kos pekerja, atau ataspenyediaan pakej insentif semata-mata. Kita sudah termasuk dalam kategori negara yang harus bersaing atas asas kualiti, sama ada kualiti barangan mahupun kualiti perkhidmatan. Ini termasuklah bagi perkhidmatan awam. Pelabur asing, usahawan tempatan, pekerja berpendidikan tinggi, semuanya pasti akan berinteraksi dengan ahli perkhidmatan awam dalam menjalankan aktiviti mereka, dari hal-hal besar seperti permohonan permit eksport, kepada hal-hal kecil seperti pembaharuan pasport. Sektor swasta, sama ada orang asing atau tempatan, memerlukan perkhidmatan yang cekap dan memudahkan pekerjaan mereka. Jika perkhidmatan yang baik tidak dapat diberikan, peniaga dan pelabur akan mencari negara lain di mana kualiti perkhidmatan dipentingkan...'**

*Petikan ucapan*

**YAB Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri Malaysia di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-Lima  
Intan Bukit Kiara, Kuala Lumpur, 9 Januari 2004.

**'... kualiti adalah satu perjalanan dan bukan destinasi. Ia adalah mengenai perubahan yang perlu dilihat sebagai satu proses untuk penambahbaikan yang berterusan. Penambahbaikan yang berterusan ini adalah perlu untuk terus relevan kerana ia juga menentukan survival sesebuah organisasi itu. Ianya juga tidak terkecuali kepada sesebuah institusi pengajian tinggi seperti Kolej Universiti Islam Malaysia ...'**

*Petikan ucapan*

**YBhg. Dato' Dr. Mohd Ariffin b Hj. Aton**  
Presiden/ CEO SIRIM Berhad, semasa Majlis menandatangani  
MOA antara KUIM dengan SIRIM Berhad, 20 Jun 2003.

**'...TQM berorientasikan pelanggan. Kepuasan pelanggan tidak akan dapat dicapai tanpa adanya elemen penambahbaikan secara berterusan (continuos improvement) atau konsep kaizen yang merupakan strategi dalam melaksanakan TQM dalam sesebuah organisasi. Penambahbaikan secara berterusan perlu dalam sesebuah organisasi atau Universiti yang baru mahupun lama kerana persekitaran pendidikan yang semakin global dan berkembang. Ini selaras dengan prinsip pendemokrasian sistem pendidikan di Malaysia dan sebagai Universiti yang baru mengorak langkah adalah penting untuk KUIM 'mendapatkan keyakinan awam' tentang kualiti program-program pengajian yang ditawarkan dan memberikan perkhidmatan pengurusan yang cekap dan efisien...'**

*Petikan ucapan*

**YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukur Haji Husin**  
Rektor KUIM, di Majlis Pelancaran Dokumentasi Sistem  
Pengurusan Kualiti KUIM, 29 April 2004.

# Atur Cara

## Majlis Sambutan Hari Q KUIM 2004

- 2.00 petang** • Ketibaan tetamu/ Ahli LPU
- 2.30 petang** • Ketibaan Yang Berhormat  
Dato' Dr. Haji Shafie Haji Mohd Salleh  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
- 2.40 petang** • Bacaan Doa
- 2.45 petang** • Ucapan Alu-aluan oleh  
YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Mohd Noor  
Pengerusi, Lembaga Pengarah Universiti (KUIM)
- 3.00 petang** • Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat  
Dato' Dr. Haji Shafie Haji Mohd Salleh  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
- 3.20 petang** • Penyampian Anugerah
  - Anugerah Sumbangsih
  - Anugerah Khas
  - Anugerah Terpuji
  - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- 4.20 petang** • Ucapan balas wakil penerima Anugerah.
- 4.30 petang** • Persembahan Multimedia
- 4.35 petang** • Penyampaian Sijil penghargaan kepada  
Pasukan Audit /Pegawai Dokumen ISO KUIM
- 4.40 petang** • Ucapan oleh Tn. Hj. Ab. Razak Salim  
Pengarah Eksekutif  
Mewakili Presiden dan Ketua Eksekutif  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- 4.50 petang** • Penyampaian Sijil ISO 9001:2000 oleh Wakil SIRIM
- 5.00 petang** • Jamuan

# ROADMAP K U



# I M

## Ke Arah Pensijilan MS ISO 9001 : 2000





NO. PENDAFTARAN : AR 3454  
Registration No.:

## SIJIL PENDAFTARAN SISTEM KUALITI *Quality System Registration Certificate*



SIRIM

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa  
*SIRIM QAS International Sdn. Bhd. hereby certifies that*

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
TINGKAT 15, MENARA A  
PERSIARAN MPAJ  
JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH  
55100 KUALA LUMPUR WILAYAH PERSEKUTUAN  
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Kualiti yang menepati  
*has implemented a Quality System complying with*



*MS ISO 9001 : 2000 Quality Management Systems - Requirements*



Skop Pendaftaran  
*Scope of Registration*

PROVISION OF EDUCATION SERVICES AT UNDERGRADUATE  
LEVEL INCLUDING THE DESIGN AND DEVELOPMENT OF  
PROGRAM CURRICULUM.



Hj. Ab. Razak bin Salim  
Pengarah Eksekutif  
*Executive Director*  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Dato' Dr. Mohd. Ariffin bin Hj. Aton  
Pengerusi  
*Chairman*  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
(No. Syarikat 410334-X)  
1, Persiaran Dato' Menteri  
Sekayen 2, Peti Surat 7035  
40911 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA.  
Tel : 60-3-5544 6400  
Faks : 60-3-5510 9439

Tarikh Persijilan : 26 November 2004  
*Certification Date :*

Sah Sehingga : 25 November 2007  
*Expiry Date :*

No. Siri : 0773  
*Serial No. :*

Penganugerahan Sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat Skim Persijilan Sistem Kualiti seperti ternyata dalam Perjanjian Persijilan Sistem Kualiti.  
*This Certificate is granted subject to the terms and conditions governing the grant of a Certificate of Registration of Quality System as stated in the Quality System Certification Agreement.*

<http://www.sirim-qas.com.my>  
<http://www.malaysiancertified.com.my>

QMS/FOR/04 - 4B  
Issue No. 8/ Rev. 0

# Lapan PRINSIP PENGURUSAN

Dalam daun ada bidara  
Singkap daun ambil buahnya  
Prinsip pengurusan tajuk bicara  
Lapan prinsip jumlah semuanya.

Mekar melor di tepi perigi  
Semerbak wangi penyaman udara  
Keperluan pelanggan difahami dipenuhi  
Kewujudan organisasi kerana mereka.

Nelayan ke laut memasang pukat  
Menabur bakti mencari rezeki  
Halatuju jelas pemimpin sepakat  
Bi'ah kondusif pekerja berkualiti.

Bunga melati harum baunya  
Ditanam ia di sudut taman  
Aset organisasi warga kerjanya  
Penglibatan semua memacu kejayaan

Pendekatan proses menjadi amalan  
Aktiviti dan sumber diurus bersama  
KUIM bertekad untuk terkehadapan  
Pengajian Sains Islam, ceruknya

Paku pakis tumbuh melata  
Tumbuh merata dalam rimba  
Maklumat dikumpul dan dianalisa  
Keputusan berkesan berasaskan fakta.

Rendang sungguh pohon ansana  
Menahan sinaran cahaya mentari  
SPK KUIM sudah dilaksana  
Penambahbaikan berterusan pengukur prestasi.

Terengganu ada Universiti KUSTEM  
Universiti KUIM kelak di Negeri Sembilan  
Apa faedahnya pendekatan sistem?  
Objektif dicapai efisien dan berkesan

Jika anda singgah di Kendung  
Belikan saya daging salai  
Organisasi dan pembekal saling bergantung  
Hubungan baik menokok nilai

Burung belatuk atas para  
Dilecut orang patah kakinya  
Prinsip pengurusan telah dibicara  
Pantun diguna penghurai intipatinya.

*Nukilan*

**Prof. Dr. Mohammad Haji Alias**  
Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan)  
Merangkap Wakil Pengurusan KUIM

# Senarai **PENERIMA** ANUGERAH-ANUGERAH KUIM 2004

## **ANUGERAH SUMBANGSIH**



YBhg. Dato' Syed Amin Al Jeffri  
*Ahli Lembaga Pengarah Universiti KUIM*

## **ANUGERAH KHAS UNTUK PENGURUSAN TERTINGGI KUIM 2003**



Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman  
*Pendaftar*

Puan Hjh. Rohani Abu  
*Bendahari*



## **ANUGERAH PENGAJAR AKTIF KUIM 2003**



Puan Syahirah Abdul Shukor  
*Pensyarah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang*

## **ANUGERAH PERSATUAN / KEGIATAN MAHASISWA CEMERLANG KELAB DEBAT KUIM**

## **ANUGERAH KUALITI REKTOR KUIM 2003 SISTEM IRIS, UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT**

## ANUGERAH TERPUJI KUIM 2003

### Kakitangan Akademik



Puan Asma Abdul Rahman  
Pensyarah  
Unit Bahasa Arab

Encik Md. Yunus Abd. Aziz  
Pensyarah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang



Y. Bhg. Prof. Dr. Muhamad Muda  
Dekan  
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Puan Suhaili A. Jalil  
Guru Bahasa  
Unit Bahasa Inggeris



Tuan Hj. Mohd. Alwi Yusoff  
Pensyarah  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Tuan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar  
Pensyarah  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah



Encik Ahmad Kamel Mohamed  
Pensyarah  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Cik Selvarani a/p P. Kovil Pillai  
Pensyarah  
Unit Pengajian Umum



Puan Abidah Abdul Ghafar  
Pensyarah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Allahyarham  
Tuan Sheikh Salim Sheikh Salleh  
Pensyarah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang



## Kakitangan Pentadbiran



Puan Laila Atan  
Pembantu Tadbir (PIO)  
Pejabat Pendaftar

Puan Haryanee Abu Bakar  
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)  
Fakulti Ekonomi dan Muamalat



Encik Aswan Kamal Shah Mohd. Yusof  
Juruteknik  
Unit Pembangunan

Encik Mohd. Zulfadli Lukman  
Pembantu Am Rendah  
Pejabat Pendaftar



Cik Raja Mariam Raja Mohd. Esa  
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)  
Pejabat Pendaftar

Cik Azreena Surrya Ahmad  
Pembantu Perpustakaan  
Perpustakaan



Puan Rosharimah Noor Ariffin  
Pembantu Tadbir (PIO)  
Pejabat Pendaftar

Cik Roslina Ahmad  
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)  
Pejabat Bendahari



Encik Mohd. Ramzi Sulaiman  
Pembantu Tadbir (PIO)  
Hal Ehwal Pelajar

Encik Mazlan Nawang  
Pegawai Tadbir  
Hal Ehwal Pelajar





Encik Nurli Suffian Zulkeffeli  
*Pen. Pegawai Sistem Maklumat  
Unit Teknologi Maklumat*

Encik Abd. Rahman Talsis  
*Pemandu Kenderaan Bermotor  
Pejabat Pendaftar*



Encik Hezan Shah Zainuddin  
*Juruaudit  
Pejabat Canselori*

Cik Azura Ahmad  
*Pembantu Tadbir Rendah  
Pejabat Pendaftar*



Cik Nur Adlina Hj. Addenan  
*Pegawai Tadbir  
Fakulti Ekonomi dan Muamalat*

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KUIM 2003

### Kakitangan Akademik



Puan Syahirah Abdul Shukor  
*Pensyarah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang*

Encik Irwan Mohd Subri  
*Pensyarah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang*



Encik Mohd. Radhi Ibrahim  
*Pensyarah  
Fakulti Kepimpinan & Pengurusan*

Encik Abdul Manan Ismail  
*Pensyarah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang*





Puan Dina Imam Supaat  
Pensyarah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Encik Arif Fahmi Md. Yusof  
Pensyarah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang



Puan Zurina Kefeli @ Zulkefli  
Pensyarah  
Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Puan Norhayati Rafida Abdul Rahim  
Pensyarah  
Unit Pengajian Umum



Encik Zainur Rijal Abdul Razak  
Guru Bahasa  
Unit Bahasa Arab

### Kakitangan Pentadbiran



Puan Rodhiyah Ali  
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Encik Latip Bujang  
Pemandu Kenderaan Bermotor  
Pejabat Pendaftar



Encik Mohd. Azmani Abdullah  
Pemandu Kenderaan Bermotor  
Pejabat Pendaftar

Puan Salmah Mohamad  
Pegawai Tadbir  
Pejabat Pendaftar





Encik Samsuddin Jilani  
Arkitek  
Unit Pembangunan

Puan Marhaniza Abdul Halim  
Pustawan  
Perpustakaan



Encik Ahmad Kamal Mustafa  
Pegawai Tadbir  
Unit Pembangunan

Encik Hammad Farhi Mohd Saudi  
Pegawai Tadbir  
Pejabat Canselori



Puan Masni Hasim  
Kaunselor  
Hal Ehwal Pelajar

Puan Azlin Mahmud  
Pen. Pengurus Asrama  
Hal Ehwal Pelajar



Puan Noor Ashikin Musbah  
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)  
Pejabat Canselori

Encik Muhammad Haizuan Rozali  
Timbalan Pendaftar  
Hal Ehwal Pelajar



Encik Azmi Husin  
Jurutera  
Unit Pembangunan

Puan Rupinah Hj. Udin  
Juruteknik  
Unit Pembangunan



# Senarai Jawatankuasa

## SAMBUTAN HARI Q KUIM 2004

### **Penaung**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin  
*Rektor*

### **Penasihat**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah  
*Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan)*

YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias  
*Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan) Merangkap Wakil Pengurusan KUIM)*

### **Pengerusi**

Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman  
*Pendaftar*

### **Setiausaha**

Pn. Salmah Mohamad  
Cik Suriyati Ismail

### **Senarai Jawatankuasa**

Logistik	- En. Ahmad Kamal Mustafa
Multimedia	- En. Mohd. Saiful Abd. Samad
Keselamatan	- En. Mohammad Tahir Zainuddin
Jamuan	- Pn. Marina Yusop
Publisiti	- Cik Noorfazira Zainol Rashid

# Kalungan **Budi**

## **KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

kepada

YB. Dato' Dr. Haji Shafie Haji Mohd Salleh, Menteri Pengajian Tinggi  
YBhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti KUIIM

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Ariffin Hj. Aton, Presiden/ CEO SIRIM Berhad

YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIIM

SQIS SIRIM Berhad

SIRIM QAS International Sdn Bhd

Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) UUM

Jawatankuasa Pemandu Kualiti dan Produktiviti

Jawatankuasa Penyelaras Kualiti dan Produktiviti

Jawatankuasa Pelaksana Kualiti dan Produktiviti

Pasukan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti, dan

**semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung dalam  
proses pensijilan MS ISO 9001 : 2000**

**Skop**

**Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Pada Peringkat Sarjana Muda Termasuk  
Rekabentuk Dan Pembangunan Kurikulum Program**

A decorative graphic consisting of several overlapping, flowing purple ribbons that form a large, stylized shape, possibly resembling a letter or a flourish. The ribbons have a slight gradient and are set against a light, grid-like background.

# *Autograf*